

*We aim to give our customers more than 100 per cent in terms of meeting and exceeding their expectations*

....for a world-class network, top quality products and customer care they can count on



# Group Financial Summary

| | Year ended 31 December 2003 RM'000 | Year ended 31 December 2002 RM'000 | Eight months ended 31 December 2001 RM'000 | Year ended 30 April 2001 (Restated) RM'000 | Year ended 30 April 2000 (Restated) RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| Revenue | 1,713,529 | 1,289,564 | 747,042 | 887,004 | 634,380 |
| Profit before taxation | 201,536 | 145,770 | 121,921 | 152,145 | 57,658 |
| Profit after taxation | 142,223 | 100,870 | 158,921 | 152,145 | 57,658 |
| Total assets | 3,247,432 | 3,008,517 | 2,410,361 | 2,077,263 | 1,619,694 |
| Shareholders' fund | 1,459,838 | 1,317,615 | 1,216,745 | 1,057,824 | 905,679 |
| Long term liabilities | 750,035 | 815,715 | 678,002 | 490,906 | 76,312 |
| Profit after taxation as % of revenue | 8.3% | 7.8% | 21.3% | 17.2% | 9.1% |
| Earnings per share (sen) | 19.0 | 13.4 | 21.2 | 20.3 | 8.5 |
| Net tangible assets per share (RM) | 1.84 | 1.64 | 1.53 | 1.38 | 1.21 |

**Note:** The above group financial summary has been prepared to conform with the current year's presentation of the financial statements.

## Revenue
*RM '000*




## Profit before taxation
*RM '000*




## Profit after taxation
*RM '000*




## Total assets
*RM '000*




## Shareholders' fund
*RM '000*




## Long term liabilities
*RM '000*




## Net tangible assets per share
*RM*




**Note:* denotes eight months ended 31 December 2001**

# Ringkasan Kewangan Kumpulan

| | *Tahun berakhir 31 Disember 2003* | *Tahun berakhir 31 Disember 2002* | *Lapan bulan berakhir 31 Disember 2001* | *Tahun berakhir 30 April 2001 (Dinyata semula)* | *Tahun berakhir 30 April 2000 (Dinyata semula)* |
|---|---|---|---|---|---|
| | *RM'000* | *RM'000* | *RM'000* | *RM'000* | *RM'000* |
| Hasil | 1,713,529 | 1,289,564 | 747,042 | 887,004 | 634,380 |
| Keuntungan sebelum cukai | 201,536 | 145,770 | 121,921 | 152,145 | 57,658 |
| Keuntungan selepas cukai | 142,223 | 100,870 | 158,921 | 152,145 | 57,658 |
| Jumlah aset | 3,247,432 | 3,008,517 | 2,410,361 | 2,077,263 | 1,619,694 |
| Dana pemegang saham | 1,459,838 | 1,317,615 | 1,216,745 | 1,057,824 | 905,679 |
| Tanggungan jangka panjang | 750,035 | 815,715 | 678,002 | 490,906 | 76,312 |
| Keuntungan selepas cukai sebagai % hasil | 8.3% | 7.8% | 21.3% | 17.2% | 9.1% |
| Pendapatan sesaham (sen) | 19.0 | 13.4 | 21.2 | 20.3 | 8.5 |
| Aset ketara bersih sesaham (RM) | 1.84 | 1.64 | 1.53 | 1.38 | 1.21 |

**Nota:** Ringkasan kewangan kumpulan di atas telah disediakan mengikut pembentangan baru penyata kewangan bagi tahun semasa.

## Hasil
*RM '000*




## Keuntungan sebelum cukai
*RM '000*




## Keuntungan selepas cukai
*RM '000*




## Jumlah aset
*RM '000*




## Dana pemegang saham
*RM '000*




## Tanggungan jangka panjang
*RM '000*




## Aset ketara bersih sesaham
*RM*




**Nota:* menandakan lapan bulan berakhir 31 Disember 2001**

# 集團財務狀況摘要

| | 截至財政年度 2003年12月31日 RM'000 | 截至財政年度 2002年12月31日 RM'000 | 8個月期間 2001年12月31日 RM'000 | 截至財政年度 2001年4月30日 (重新陳述) RM'000 | 截至財政年度 2000年4月30日 (重新陳述) RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| 收益 | 1,713,529 | 1,289,564 | 747,042 | 887,004 | 634,380 |
| 稅前利潤 | 201,536 | 145,770 | 121,921 | 152,145 | 57,658 |
| 稅後利潤 | 142,223 | 100,870 | 158,921 | 152,145 | 57,658 |
| 資產總額 | 3,247,432 | 3,008,517 | 2,410,361 | 2,077,263 | 1,619,694 |
| 股東資金 | 1,459,838 | 1,317,615 | 1,216,745 | 1,057,824 | 905,679 |
| 長期負債 | 750,035 | 815,715 | 678,002 | 490,906 | 76,312 |
| 稅後利潤/(虧損) 作為收益% | 8.3% | 7.8% | 21.3% | 17.2% | 9.1% |
| 每股利潤 (分) | 19.0 | 13.4 | 21.2 | 20.3 | 8.5 |
| 每股淨有形資產(零吉) | 1.84 | 1.64 | 1.53 | 1.38 | 1.21 |

注意：以上財務狀況摘要乃遵照本年度財務狀況報告而備。

# 集團財務狀況摘要

| | 截至財政年度 2003年12月31日 RM'000 | 截至財政年度 2002年12月31日 RM'000 | 8個月期間 2001年12月31日 RM'000 | 截至財政年度 2001年4月30日 (重新陳述) RM'000 | 截至財政年度 2000年4月30日 (重新陳述) RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|
| 收益 | 1,713,529 | 1,289,564 | 747,042 | 887,004 | 634,380 |
| 稅前利潤 | 201,536 | 145,770 | 121,921 | 152,145 | 57,658 |
| 稅後利潤 | 142,223 | 100,870 | 158,921 | 152,145 | 57,658 |
| 資產總額 | 3,247,432 | 3,008,517 | 2,410,361 | 2,077,263 | 1,619,694 |
| 股東資金 | 1,459,838 | 1,317,615 | 1,216,745 | 1,057,824 | 905,679 |
| 長期負債 | 750,035 | 815,715 | 678,002 | 490,906 | 76,312 |
| 稅後利潤/(虧損) 作為收益% | 8.3% | 7.8% | 21.3% | 17.2% | 9.1% |
| 每股利潤 (分) | 19.0 | 13.4 | 21.2 | 20.3 | 8.5 |
| 每股淨有形資產(零吉) | 1.84 | 1.64 | 1.53 | 1.38 | 1.21 |

注意：以上財務狀況摘要乃遵照本年度財務狀況報告而備。

## 收益
*RM '000*




## 稅前利潤
*RM '000*




## 稅後利潤
*RM '000*




## 資產總額
*RM '000*




## 股東資金
*RM '000*




## 長期負債
*RM '000*




## 每股淨有形資
*RM*




註：*表示結算於2001年12月31日之八個月





*We maintain our leadership position as industry innovator with our continued ability* to come up with the most innovative solutions, *whether in delivery of the latest services, customer care, competitive pricing, or ways to secure and keep our customers delighted*

# Chairman's Statement/*Penyata Pengerusi*

Dear shareholders,

On behalf of the Board of Directors of DiGi.Com Berhad, I am pleased to present you with the Annual Report and Financial Statements of the Group and the Company for the financial year ended 31 December 2003.

This year, the telecommunications industry continued to evolve at an unprecedented pace. The formation of a leaner industry structure due to consolidation from five main players down to three during the year under review, saw keener and more intense competition in the mobile communications sector. In the face of such challenges, DiGi has successfully forged ahead as a leading player because it has been able to adapt quickly, harness the power of innovation and maintain its position as a high-performance business. It has stayed true to its commitment of bringing the benefits of cutting-edge wireless mobile multimedia products and services to as many Malaysians as possible.

During the year, we focused our attention on giving our customers simple and easy-to-use products and services that they really want and expect from their mobile service provider. We have made excellent progress towards this objective by

*Pemegang saham sekalian,*

*Bagi pihak Lembaga Pengarah DiGi.Com Berhad, saya sukacita untuk membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.*

*Tahun ini, industri telekomunikasi terus berkembang pesat pada kadar yang tidak pernah dicapai sebelum ini. Pembentukan struktur industri yang lebih cekap, hasil penggabungan lima peserta utama untuk menjadi tiga peserta pada tahun yang dilaporkan, mewujudkan persaingan yang lebih hebat dan sengit dalam sektor komunikasi mudah alih. Walaupun menghadapi cabaran-cabaran tersebut, DiGi telah berjaya melangkah maju sebagai peserta utama kerana ia berupaya menyesuaikan diri dengan pantas, memanfaatkan kuasa inovasi dan mengekalkan kedudukannya sebagai perniagaan prestasi tinggi. DiGi tetap berpegang kepada komitmennya untuk membawa faedah-faedah produk dan perkhidmatan multimedia mudah alih terkini kepada seberapa ramai rakyat Malaysia yang mungkin.*

*Pada tahun yang dilaporkan, perhatian kami tertumpu kepada usaha memberikan pelanggan kami produk dan perkhidmatan yang*

...DiGi's core strength is its ability for quick and continuous innovation with practical and relevant applications...





launching a wide range of innovative and value-for-money products and services for both our prepaid and postpaid customers. This was reflected in DiGi being ranked second as a company that is innovative in responding to customers' needs in the Far Eastern Economic Review's annual company survey, the *Review 200: Asia's Leading Companies.*

I believe that DiGi's core strength is its ability for quick and continuous innovation with practical and relevant applications that cater to changing customer needs and expectations. Coupled with this has been a concerted effort to widen and enhance the DiGi brand for greater recognition of our warm, friendly and approachable personality. All these activities have contributed to the Group's steady overall operating performance amidst an increasingly competitive business environment.

*mudah digunakan yang dikehendaki dan diharapkan oleh mereka daripada pembekal perkhidmatan mudah alih. Kami telah mencapai kemajuan besar ke arah mencapai objektif tersebut dengan pelancaran pelbagai produk dan perkhidmatan inovatif yang memberikan nilai untuk wang bagi pelanggan prabayar dan pasca bayar kami. Kesungguhan kami dapat dilihat daripada kedudukan DiGi di tempat kedua sebagai syarikat yang memenuhi keperluan pelanggan dalam kaji selidik tahunan* Review 200: Asia's Leading Companies *oleh majalah Far Eastern Economic Review.*

*Saya percaya kekuatan teras DiGi ialah kemampuannya untuk menghasilkan inovasi dengan pantas dan secara berterusan dengan aplikasi yang praktikal dan relevan yang memenuhi keperluan dan jangkaan pelanggan yang semakin berubah. Di samping itu, langkah-langkah bersepadu telah diambil untuk memperluas dan mempertingkatkan jenama DiGi agar personaliti kami yang ramah, mesra dan mudah didekati mendapat pengiktirafan yang lebih meluas. Hasil daripada semua kegiatan ini, Kumpulan telah mencatatkan prestasi operasi keseluruhan yang lebih mantap walaupun dalam suasana perniagaan yang semakin kompetitif.*



## Financial Performance

For the financial year ended 31 December 2003, the Group registered strong revenue growth of 33% to achieve a record RM1.71 billion from the previous financial year. Net profits soared 41% to 142.2 million, and earnings per share rose significantly to 19.0 sen from the previous year's 13.4 sen. The consistent revenue growth trend achieved throughout the year under review has been attributed to higher mobile revenue, mainly from our 37% mobile customer growth. Earnings before interest, taxation, depreciation and amortization ('EBITDA') were boosted by the increased revenue growth to an impressive RM698.9 million with an improved margin of 41% from 38% achieved in the previous year.

## Current Challenges

A milestone development for the entire industry during the year has been the consolidation of the industry that has invariably changed the competitive landscape. Also, as the mobile penetration rate, currently at 44%, moves towards maturity, we need to work harder to entice and keep customers and maintain profitability by improving service delivery, price competitiveness and innovative customized packaging. DiGi is poised to face this challenge by consistently responding quickly to the needs of our customers and intelligently to our competition. We have put our customers at the center of everything we do and every operational unit is focused on providing customers with products and services that directly address their needs and wants.

## Prestasi Kewangan

*Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003, Kumpulan telah mencatatkan pertumbuhan hasil yang kukuh sebanyak 33% berbanding tahun kewangan sebelumnya untuk mencapai hasil rekod berjumlah RM1.71 bilion. Keuntungan bersih meningkat 41% kepada 142.2 juta dan pendapatan sesaham meningkat secara mendadak kepada 19.0 sen berbanding 13.4 sen pada tahun sebelumnya. Trend pertumbuhan hasil yang konsisten yang dicapai sepanjang tahun yang dilaporkan diperolehi daripada hasil perkhidmatan mudah alih yang lebih tinggi, terutamanya kerana pertumbuhan 37% dalam pelanggan mudah alih. Pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan ("EBITDA") turut meningkat kepada RM698.9 juta, sejajar dengan kenaikan hasil, dengan margin 41% yang lebih tinggi berbanding 38% yang dicapai pada tahun sebelumnya.*

## Cabaran Semasa

*Satu perkembangan penting bagi seluruh industri pada tahun yang dilaporkan ialah penggabungan industri yang telah mengubah struktur persaingan. Di samping itu, memandangkan kadar penembusan mudah alih yang kini mencapai tahap 44% sudah mula matang, kami perlu berusaha lebih gigih untuk memperolehi dan mengekalkan pelanggan serta mengekalkan tahap keuntungan dengan memperbaiki bekalan perkhidmatan, daya saing harga dan pakej inovatif terkhusus. DiGi bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran ini dengan bertindak balas pantas secara konsisten untuk memenuhi keperluan pelanggan kami dan mengambil langkah yang bijak untuk menandingi pesaing kami. Kami memastikan pelanggan menjadi*

During the year, we underscored our strategic decision to play a role along the 3G value chain. Through creatively introducing a full range of advanced and affordable mobile multimedia products and services on our existing 2.5G network to meet initial demand, alongside completed efforts in upgrading our network to facilitate next-generation wireless technology using Enhanced Data Rates for GSM Evolution (EDGE), DiGi customers will be able to enjoy higher quality voice calls, advanced multimedia services at faster speeds, one step ahead of any other mobile communications service provider in Malaysia.

At the same time, concerted efforts were made to strengthen our network quality and capacity and expand our geographical coverage. To this end, DiGi has worked on building partnerships and strategic alliances at all levels with network operators, handset manufacturers, middleware providers and applications developers to reinforce its leading-edge products and services.

*keutamaan kami dan setiap unit operasi memberi tumpuan membekalkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan secara langsung.*

*Pada tahun yang dilaporkan, kami menekankan lagi keputusan strategik untuk memainkan peranan dalam rantaian nilai 3G. Dengan memperkenalkan produk dan perkhidmatan multimedia mudah alih yang canggih dan berpatutan menerusi rangkaian 2.5G kami yang sedia ada untuk memenuhi permintaan awal, serta langkah menaik taraf rangkaian kami yang telah selesai dijalankan untuk membolehkan teknologi tanpa wayar generasi akan datang digunakan menerusi Kadar Data Dipertingkatkan untuk Evolusi GSM (EDGE), pelanggan DiGi akan dapat menikmati panggilan suara lebih berkualiti dan perkhidmatan multimedia lanjut pada kelajuan lebih pantas. Kami berada selangkah di hadapan mana-mana pembekal perkhidmatan komunikasi di Malaysia.*

*Pada masa yang sama, usaha bersepadu sedang dilaksanakan untuk memantapkan kualiti dan kapasiti rangkaian dan memperluas liputan*



...next-generation wireless technology using EDGE, our customers will be able to enjoy higher quality voice calls, advanced multimedia services at faster speeds, one step ahead of any other mobile communications service provider in Malaysia

One striking example is in mobile data services, which now enables the sending of messages from handset to handset along with still-pictures, video clips and audio content. I am pleased to report that in August 2003, DiGi became the first service provider in the industry to launch MMS for both its prepaid and postpaid segments and we continue to work towards upgrading the technologies that support this service.

## Strategic Direction

The year under review saw the introduction and implementation of initiatives like consolidation, new access pricing, infrastructure sharing, and mandatory standards governing access and quality of service. We are confident that DiGi is ready and capable of meeting these challenges. The drive for product innovation continues to be the key factor that will allow us to strengthen our market share and build a strong and sustained customer base.

In response to the highly dynamic business environment that we operate in, the company has sought to 'reinvent' itself, allowing DiGi to lead the market in rolling out services that are timely, relevant and cost-effective. We have long-recognised the need for a clear growth strategy and also the need for that clarity to be communicated to all our employees, partners and customers. Taking this approach, management and staff orchestrated a convincing change of DiGi's profile during the year under review. We are now a much warmer, friendlier and more approachable DiGi at all points of contact. We saw the need to build the DiGi brand into one that provides quality products that

*geografi kami. Untuk tujuan itu, DiGi telah berusaha membina pakatan dan perkongsian strategik di setiap peringkat dengan pengendali rangkaian, pengeluar telefon mudah alih, pembekal perisian perantara dan pencipta aplikasi untuk memperkukuh produk dan perkhidmatan canggihnya.*

*Satu contoh yang baik ialah perkhidmatan data mudah alih, yang kini membolehkan penghantaran mesej yang mengandungi gambar pegun, klip video dan kandungan audio dari satu telefon mudah alih ke telefon mudah alih lain. Saya sukacita untuk melaporkan bahawa pada Ogos 2003, DiGi menjadi pembekal perkhidmatan pertama dalam industri untuk melancarkan MMS untuk segmen prabayar dan pasca bayar dan kami akan terus berusaha menaik taraf teknologi yang menyokong perkhidmatan ini.*

## Hala Tuju Strategik

*Pada tahun yang dilaporkan, inisiatif seperti penggabungan, harga capaian baru, perkongsian infrastruktur dan piawaian mandatori untuk mengawal capaian dan kualiti perkhidmatan, telah diperkenalkan dan dilaksanakan. Usaha untuk mencapai inovasi produk terus menjadi faktor utama yang membolehkan kami meningkatkan bahagian pasaran dan membina asas pelanggan yang kukuh dan mampan.*

*Sebagai tindak balas kepada suasana perniagaan yang sangat dinamik, syarikat telah berusaha 'memperbaharui' operasinya, lantas membolehkan DiGi mendahului pasaran dengan melancarkan perkhidmatan yang relevan, menjimatkan kos dan tepat pada masanya. Sejak dulu lagi, kami menyedari betapa perlu kami*

To be the key factor that will allow us to strengthen our market share and build a strong and sustained customer base




are not only innovative but affordable and practical, coupled with a service that is reliable and of impeccable quality. DiGi products and services offer a value proposition that customers can use to enhance their lifestyle and facilitate business efficiency.

In tandem with these considerations, four key areas were identified as requiring our undivided attention in order to improve our performance and maintain a competitive edge:

- We saw the need to expand our network coverage and gain access to new market centres as a key area of emphasis in addressing customer demands for uncompromised quality to match their increasing mobility needs. In this, our market-centric coverage expansion strategy has resulted in significant growth in our net customer additions during the year under review, with wider recognition of DiGi's "best where we are" network quality throughout the nation.

- Undivided customer focus and attention was another key priority area. Our main message to both our customers and our staff was that the customer is **the** focus of all that we do. We are putting all our efforts into learning more about our customers, understanding what they need and want, and then giving them simple, user-friendly products and services to meet these needs. During the year we introduced a series of innovative, intelligent and straightforward mobile communications services and product enhancements that allowed our customers to stay connected and have access to information and entertainment with greater mobility, speed, convenience and clarity.

*merangka strategi pertumbuhan yang jelas. Strategi yang jelas itu juga perlu disampaikan kepada kakitangan, rakan perniagaan dan pelanggan kami. Menerusi pendekatan ini, pihak pengurusan dan kakitangan telah melaksanakan rombakan profil DiGi yang meyakinkan dalam tahun yang dilaporkan. DiGi kini lebih ramah, mesra dan mudah didekati di setiap titik pertemuan. Kami menyedari betapa perlunya membina jenama DiGi yang membekalkan produk berkualiti yang bukan sahaja inovatif tetapi pada harga berpatutan dan praktikal, di samping menyediakan perkhidmatan yang boleh dipercayai dan bermutu paling tinggi. Produk dan perkhidmatan DiGi menawarkan nilai yang boleh dimanfaatkan oleh pelanggan untuk meningkatkan gaya hidup mereka dan menambahkan kecekapan perniagaan.*

*Sejajar dengan segala pertimbangan di atas, empat bidang penting yang memerlukan perhatian penuh kami untuk meningkatkan prestasi dan mengekalkan kelebihan daya saing telah dikenal pasti:*

- *Kami menyedari keperluan untuk memperluas liputan rangkaian dan menembusi pusat pasaran baru sebagai tumpuan utama dalam usaha kami memberikan kualiti terbaik kepada pelanggan bagi memenuhi keperluan pergerakan mereka yang semakin meningkat. Dalam hal ini, strategi memperluas liputan yang tertumpu kepada pasaran telah menghasilkan pertumbuhan besar dari segi jumlah pertambahan pelanggan bersih pada tahun yang dilaporkan. Kualiti rangkaian DiGi telah mendapat pengiktirafan meluas sebagai "terbaik di mana kami berada" di seluruh negara.*



- In order to maintain our position as an industry leader, the company continues to place emphasis on strengthening and upgrading our mobile network. As mentioned earlier, to this end we made strategic investments that enabled us to upgrade our mobile network with the introduction of EDGE technology. In fact, DiGi is the first service provider in Malaysia to announce its commitment to EDGE technology, an evolutionary improvement in packet-based data services that provides users with faster and more powerful mobile data applications. With EDGE, DiGi will be able to provide customers with a seamless migration from our current 2.5G network to 3G-type services by tripling the rate of data transfer. Our customers will be able to use faster and more powerful mobile data applications such as MMS over both our prepaid and postpaid service.

- The introduction of new products and services is, of course, crucial if we wish to make our mark in the field of mobile content and data services. Sustained growth depends on our ability to deliver new and innovative customized products and services that directly address customer needs and wants. Throughout the year, we have launched new products and services in both the prepaid and postpaid segments. We have also set out to dissolve the boundaries between prepaid and postpaid to enable a truly seamless delivery of services to subscribers in both these segments. This is very much in keeping with DiGi's strategic focus on centering our products and services around customer needs in order to improve average revenue per user and build long-term profitability into our operations.



- *Tumpuan dan perhatian khusus yang tidak berbelah bagi terhadap pelanggan merupakan satu lagi bidang keutamaan. Mesej utama kami kepada pelanggan dan kakitangan ialah pelanggan menjadi tumpuan dalam apa jua yang kami lakukan. Kami mencurahkan tenaga kami untuk mempelajari lebih lanjut tentang pelanggan, memahami apa yang mereka kehendaki dan perlukan, dan menyediakan produk dan perkhidmatan yang mudah dan mesra pengguna untuk memenuhi keperluan mereka. Pada tahun yang dilaporkan, kami telah memperkenalkan beberapa perkhidmatan komunikasi mudah alih yang inovatif, pintar dan ringkas, dan melaksanakan peningkatan produk yang membolehkan pelanggan terus berhubung dan mendapatkan maklumat dan hiburan dengan daya pergerakan, kepantasan, kemudahan dan kejelasan yang lebih tinggi.*

- *Untuk mengekalkan kedudukan kami sebagai pemimpin industri, syarikat terus memberi penekanan kepada usaha untuk memantapkan dan menaik taraf rangkaian mudah alih kami. Seperti yang disebutkan sebelum ini, kami telah membuat pelaburan strategik untuk tujuan ini yang membolehkan kami menaik taraf rangkaian mudah alih dengan memperkenalkan teknologi EDGE. Malah, DiGi adalah pembekal perkhidmatan pertama di Malaysia untuk mengumumkan komitmennya kepada teknologi EDGE, satu perkembangan evolusi dalam perkhidmatan data berasaskan paket yang menyediakan aplikasi data yang lebih pantas dan berkuasa kepada pengguna. Menerusi EDGE, DiGi akan membolehkan pelanggan berpindah dengan lancar daripada perkhidmatan rangkaian 2.5G kami yang sedia ada kepada 3G, dengan*



## The market of the future will be driven by convenience, ease of use and reliability

## Prospects

The year 2003 was a transitional year for the Malaysian mobile communications market and although there were great challenges faced by the industry in its consolidation, it has re-emerged as a more regulated and sophisticated entity. From this, we believe that the market for mobile communications lifestyle solutions will continue to grow steadily. The growth prospects for Malaysia look equally exciting and we believe that DiGi can continue to achieve a sustained, profitable market position.

Indeed, the future looks promising. The mobile communications market is still growing; mobile users are becoming more educated, sophisticated and discerning. As a company, DiGi is intensifying its efforts in innovation and customer service in order to stay ahead of the competition. The market of the future will be driven by convenience, ease of use and reliability. People want to be connected from wherever they are, be it at home or from their office, car or vacation site. They want wireless data services which allow them to perform everyday functions like reading an e-mail or obtaining important information, without being tied to a desktop at home or at the office. They will want to use this data not just for business, but to keep in touch with their friends and family, while completing personal chores like banking or shopping. And we must be ready to provide these services in the most simple-to-use, affordable and innovative way.

*memindahkan data tiga kali lebih pantas. Pelanggan kami akan dapat menggunakan aplikasi data mudah alih yang lebih pantas dan berkuasa seperti MMS menerusi perkhidmatan prabayar dan pasca bayar kami.*

- *Langkah memperkenalkan produk dan perkhidmatan baru ternyata sangat penting sekiranya kami ingin mencapai kejayaan dalam bidang kandungan mudah alih dan perkhidmatan data. Pertumbuhan mampan bergantung kepada keupayaan kami untuk membekalkan produk dan perkhidmatan yang baru dan inovatif dalam segmen prabayar dan pasca bayar. Kami juga telah berusaha menghapuskan sempadan antara khidmat prabayar dan pasca bayar untuk menyediakan perkhidmatan yang benar-benar lancar kepada pelanggan di kedua-dua segmen ini. Ini adalah selaras dengan tumpuan strategik DiGi untuk menyesuaikan produk dan perkhidmatan kami mengikut keperluan pelanggan bagi meningkatkan purata hasil daripada setiap pengguna dan membina keuntungan jangka panjang bagi operasi kami.*

## Prospek

*Tahun 2003 merupakan tahun perubahan bagi pasaran komunikasi mudah alih Malaysia. Walaupun cabaran-cabaran besar dihadapi oleh industri dalam penggabungannya, ia telah muncul sebagai entiti yang lebih dikawal selia dan canggih. Hasil penggabungan ini, kami percaya pasaran bagi penyelesaian gaya hidup komunikasi mudah alih akan terus*

We want to be known as an industry who is there to help enrich



With the new wave of mobile multimedia services, DiGi has the clear advantage in remaining an industry leader and innovator. We have made significant investments in technology and people which will enable us to stay ahead of the competition through product innovation, excellent customer care and prudent management. We believe DiGi can achieve significant growth in shareholder value over both the short and longer term. Although we expect more intense competition in the future, we are committed to achieving returns across every aspect of our business.

## Social Responsibility

At DiGi, we also firmly believe that as a caring and responsible corporate citizen, we need to be able to contribute effectively towards the well-being and care of people in the communities where we operate our business. We are committed to finding avenues where we can interact and touch the lives of local communities in a real and meaningful way. We want to be known as an industry leader in the mobile communications industry but also as a friend who is there to help enrich the lives of a sector of the community that is often neglected and forgotten.

*berkembang secara beransur-ansur. Malaysia mempunyai prospek pertumbuhan yang menarik dan kami percaya DiGi akan terus mencapai kedudukan pasaran yang mampan dan menguntungkan.*

*Ternyata bahawa masa depan kami nampak cerah. Pasaran komunikasi mudah alih masih berkembang; dan pengguna mudah alih kini semakin bijak, canggih dan bersifat pemilih. Sebagai sebuah syarikat, DiGi sedang menggiatkan usaha dalam inovasi dan perkhidmatan pelanggan untuk mengatasi para pesaing. Pasaran masa depan dipacu oleh kemudahan, kesenangan penggunaan dan kebolehpercayaan. Orang ramai ingin dihubungkan dari mana-mana sahaja mereka berada, sama ada di rumah atau di pejabat, di dalam kereta atau di pusat peranginan. Mereka mahukan perkhidmatan data tanpa wayar yang membolehkan mereka melakukan fungsi harian seperti membaca e-mel atau mendapatkan maklumat penting, tanpa terikat kepada komputer meja di rumah atau di pejabat. Mereka mahu menggunakan data ini bukan sahaja untuk perniagaan, tetapi untuk berhubung dengan rakan-rakan dan keluarga, sambil melakukan tugasan peribadi seperti urusan bank dan membeli-belah. Kami perlu bersedia membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut dengan cara yang inovatif dan mudah digunakan pada harga paling berpatutan.*

*Dengan ketibaan arus perkhidmatan multimedia mudah alih yang baru, DiGi mempunyai kelebihan yang jelas sebagai pemimpin dan pelopor industri. Kami telah membuat pelaburan besar dalam teknologi dan insan yang akan membolehkan kami berada di hadapan pesaing menerusi inovasi produk, perkhidmatan pelanggan yang cemerlang dan pengurusan yang teliti. Kami percaya DiGi boleh mencapai pertumbuhan*

leader in the mobile communications industry but also as a friend
the lives of a sector of the community that is often neglected and forgotten

The DiGi Yellow Mobile community programme, launched in 2002, has effectively communicated this commitment, gathering momentum during the year under review and attracting widespread media coverage. At the same time, this arts-and-culture-based interactive programme has given DiGi employees a unique opportunity to be directly involved in the workshops, through volunteering their time and energy at each stop-over. This, and DiGi's other corporate social responsibility efforts, have not only enriched the lives of our employees, but also left behind a lasting impression of the heart-warming role of DiGi's community outreach.

More details on these community efforts are highlighted in the Corporate Social Responsibility section of this annual report.

## Acknowledgements

On behalf of the Board of Directors, I would like to acknowledge the hard work and dedication of our DiGi staff at all levels. It is through their drive and commitment that the company has been able to maintain its role as a significant player in this highly competitive industry. I acknowledge the inspiration and effort behind the innovative and creative products and services that have helped differentiate DiGi from its competitors and spearheaded us into the forefront of this industry.

I would also like to record my deep gratitude to and appreciation of my colleagues on the Board, and the Operating Committee. Their expertise, experience and professionalism have been crucial in helping us formulate a clear growth strategy that has helped us face the challenges in the year under review.

*besar dari segi nilai pemegang saham pada masa depan, dan kami berkomitmen untuk mencapai pulangan positif daripada segenap aspek perniagaan kami.*

## Tanggungjawab Sosial

*Di DiGi, kami juga benar-benar percaya bahawa sebagai warga korporat yang prihatin dan bertanggungjawab, kami perlu memberi sumbangan bermakna untuk menjaga kesejahteraan masyarakat di tempat kami mengendalikan perniagaan. Kami berkomitmen untuk mencari jalan untuk berhubung dan menyentuh kehidupan masyarakat tempatan dengan cara yang bermakna dan bermanfaat. Kami juga ingin dikenali bukan sahaja sebagai pemimpin dalam industri komunikasi mudah alih tetapi juga sebagai sahabat yang sanggup membawa manfaat kepada kehidupan golongan masyarakat yang sering diabaikan dan terpinggir.*

*Program kemasyarakatan DiGi Yellow Mobile, yang dilancarkan pada 2002, telah memperlihatkan komitmen ini dengan berkesan, dan program ini semakin giat dijalankan dalam tahun yang dilaporkan. Ia telah mendapat liputan media yang meluas. Pada masa yang sama, program interaktif berdasarkan kesenian dan kebudayaan ini telah memberi peluang unik kepada kakitangan DiGi untuk melibatkan diri dalam bengkel-bengkel yang dianjurkan, dan meluangkan masa dan tenaga mereka di setiap persinggahan. Program tersebut, serta program tanggungjawab korporat sosial lain DiGi bukan sahaja meluaskan pengalaman kakitangan, tetapi turut meninggalkan tanggapan positif yang berkekalan tentang keprihatinan DiGi menghulur tangan kepada masyarakat.*





We are grateful for the efforts of the Ministry of Energy, Communications and Multimedia (MECM) and the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) to create and stimulate a conducive and regulated environment for growth in this fast-evolving industry. We will continue to work together with the government to move the industry to greater heights, with the key priority focused on the development of Malaysia as a global hub for communications and multimedia services.

Finally, the strong performance of the Group in 2003 would not have been possible without the support of our shareholders, financial and industry partners, the media and especially our customers. I take this opportunity to express our profound gratitude and the Board's sincere appreciation to each of these. With your continued faith in DiGi, I am confident that the Group is well-positioned to take advantage of the many challenges and opportunities ahead and we look forward to another successful year in 2004.

**Tan Sri Dato' Seri Vincent Tan Chee Yioun**
Chairman
19 March 2004

*Butir-butir lanjut mengenai usaha-usaha kebajikan masyarakat ini tertera dalam seksyen Tanggungjawab Sosial Koporat laporan tahunan ini.*

## Penghargaan

*Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya merakamkan penghargaan saya kepada kakitangan DiGi di semua peringkat kerana usaha gigih dan dedikasi mereka. Melalui usaha dan komitmen mereka, syarikat telah berjaya mengekalkan peranannya sebagai peserta penting dalam industri yang sangat kompetitif ini. Saya menyanjung tinggi inspirasi dan usaha di sebalik penciptaan produk dan perkhidmatan inovatif dan kreatif yang telah membantu membezakan DiGi daripada para pesaingnya dan memacu kami ke hadapan dalam industri ini.*

*Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan sejawat saya dalam Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Operasi. Kepakaran, pengalaman dan profesionalisme mereka amat penting untuk membantu kami merangka strategi pertumbuhan yang jelas, yang membolehkan kami menghadapi segala cabaran pada tahun yang dilaporkan.*

*Kami juga menghargai usaha Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia (KTKM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) merangka dan mewujudkan persekitaran yang sesuai dan dikawal*




The strong performance of the Group in 2003 would not have been possible without the support of our shareholders, financial and industry partners, the media and especially our customers

*selia bagi menggalakkan pertumbuhan dalam industri yang pantas berkembang ini. Kami akan terus berganding bahu dengan kerajaan untuk membawa industri telekomunikasi ke puncak yang lebih tinggi. Keutamaan akan diberikan kepada usaha membangunkan Malaysia sebagai pusat global bagi perkhidmatan komunikasi dan multimedia.*

*Akhir sekali, prestasi kukuh Kumpulan pada 2003 pasti tidak tercapai tanpa sokongan pemegang saham kami, rakan-rakan kewangan dan industri, pihak media dan khususnya pelanggan kami. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak di atas. Dengan kepercayaan berterusan anda terhadap DiGi, saya yakin bahawa Kumpulan akan berada pada kedudukan yang baik untuk mengambil kesempatan daripada segala peluang dan cabaran yang dihadapi dan semoga tahun 2004 membawa kejayaan yang lebih besar kepada kami.*



***Tan Sri Dato' Seri Vincent Tan Chee Yioun***
*Pengerusi*
*19 Mac 2004*



